LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

JAWATAN KOSONG PROJEK FAMA

Jawatan Kosong di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :

1. EKSEKUTIF PEMASARAN GRED P3 – 1 Kekosongan

Taraf Jawatan : **Anggota Projek FAMA (Kontrak)**

Penempatan : **Pusat Memproses Makanan FAMA (PMMF) Kuala Nerang, Kedah**

Gred / Jadual Gaji : Gred P3

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)
RM1,920.00	RM5,730.00	RM120.00

Elaun – Elaun : Elaun Tanggungjawab : RM150.00

Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i) Warganegara Malaysia;
ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
iii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
iv) Syarat kemasukan ini berbeza berbanding dengan syarat kemasukan (kelayakan) ke jawatan bertaraf tetap dan berbeza dalam perkhidmatan awam.

Bidang Tugas :

i) Merancang dan mengurus aktiviti pembelian, pemasaran serta jualan Madu dan produk berasaskan madu.
ii) Mengurus tempahan pelanggan, urusan jualan, pembungkusan, penghantaran dan pengedaran produk madu.
iii) Menyelaras pengurusan stok, rekod pembelian, pengeluaran, pemindahan stok dan jualan melalui sistem WMS serta rekod manual.
v) Menyelia operasi Rumah Madu dan Pusat Memproses Madu bagi memastikan kelancaran pengeluaran, kualiti produk dan pengurusan stok.
vi) Memastikan pematuhan prosedur keselamatan makanan, kebersihan serta keperluan pengsijilan MESTI dan HALAL.
vii) Mengurus pembelian bahan mentah, peralatan dan keperluan operasi termasuk pengelularan produk hiliran berasaskan madu seperti sabun madu.

CARA MEMOHON :

(a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.

(b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Lesen Memandu, Sijil SPM/STPM atau DLKM atau Diploma atau SKM Tahap 4/5 atau Matrikulasi atau setaraf, Sijil-sijil persekolahan yang **telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.

(c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.

(d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP :

Permohonan hendaklah sampai kepada:

Pengarah FAMA Negeri Kedah
Pejabat FAMA Negeri Kedah
No.101-C Kawasan Perusahaan Mergong
Jalan Perak
05150 Alor Setar
Kedah

Sebelum atau pada : **29 NOVEMBER 2026 (AHAD)**

CATATAN AM :

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.